



JPA/PEN/228/15/2 (26)

26 Januari 2022

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan

Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,

- (I) **PINDAAN PADA CERAIAN PP.1.3.1.: PEMBERIAN AWARD WANG TUNAI GANTIAN CUTI REHAT (GCR)**
- (II) **PINDAAN PADA CERAIAN PP 1.3.3.: KEBENARAN GANTIAN CUTI REHAT MELEBIHI 160 HARI DIGUNAKAN SEBAGAI CUTI REHAT PADA TAHUN PERSARAAN**
- (III) **CERAIAN PP1.3.4.: PEMBERIAN AWAL AWARD WANG TUNAI GANTIAN CUTI REHAT**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan sedia maklum bahawa Kerajaan melalui Belanjawan 2022, sebagai menghargai jasa anggota perkhidmatan awam telah bersetuju supaya kenaikan maksimum gantian cuti rehat (GCR) daripada 150 hari kepada 160 hari dan kebenaran pemberian awal award wang tunai GCR sebanyak 80 hari dilaksanakan mulai Januari 2022.

3. Pindaan cerai dan cerai baharu perlu dibuat bagi memastikan pelaksanaan pemberian GCR ini adalah teratur. Pindaan-pindaan yang terlibat adalah seperti berikut:

(i) **Pindaan pada Cerai PP.1.3.1.: Pemberian Award Wang Tunai Gantian Cuti Rehat (GCR)**

Pindaan adalah bagi memaklumkan kenaikan had maksimum pengumpulan GCR dari 150 hari ke 160 hari.

(ii) **Pindaan pada Cerai PP.1.3.3.: Kebenaran Gantian Cuti Rehat Melebihi 160 Hari Digunakan Sebagai Cuti Rehat Pada Tahun Persaraan**

Pindaan adalah bagi memaklumkan mengenai kebenaran GCR yang dikumpul melebihi 160 hari digunakan sebagai cuti rehat pada tahun persaraan.

(iii) **Cerai PP.1.3.4.: Pemberian Awal Award Wang Tunai Gantian Cuti Rehat**

Cerai baharu ini menerangkan mengenai pelaksanaan pemberian awal award wang tunai GCR ini meliputi syarat-syarat dan tatacara pemberiannya.

4. Pindaan-pindaan cerai dan cerai di atas berkuatkuasa mulai 1 Januari 2022.


5. Tertakluk kepada penerimaan pemakaiannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Surat Edaran ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATUK SERI HJ. SUHAIME BIN MAHBAR)

Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Pembangunan)

b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

Jabatan Perkhidmatan Awam